

# 6 didenda mengaku salah sogok penguat kuasa DBKL

**Kuala Lumpur:** Enam individu termasuk seorang warga asing didenda RM6,000 hingga RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan menyogok penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai balasan bagi melindungi aktiviti perniagaan warga asing yang menggunakan lesen Ali Baba di ibu negara.

Semua tertuduh iaitu Romzi Abidin, 53; Azhar Abu Bakar, 59; Idrus Muhammad, 38; K Punithan, 43; pemastautin tetap (PR) Jamaludin Asim, 58, dan pemilik restoran yang juga warga China, Teng Hui, 52, ditahan dalam Operasi Khas Op Star oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Di hadapan Hakim Suzana Hussin, tertuduh yang juga bekas tentera, Romzi didenda RM8,000 manakala dua lagi tertuduh Azhar dan Idrus masing-masing didenda RM6,000.

Sementara di hadapan Hakim Rozina Ayob, tiga lagi tertuduh iaitu Punithan dan Jamaludin Asim didenda RM8,000 manakala Teng Hui didenda RM10,000.

Semua tertuduh didenda selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang didakwa ke atas mereka.

Sekiranya enam tertuduh gagal membayar jumlah denda itu mereka boleh dipenjarakan antara tiga minggu dan tiga bulan.

Mengikut pertuduhan, keenam-enam tertuduh di-



*Enam individu didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.*

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

dakwa memberi rasuah kepada Mohd Zahaymie Zakaria yang juga Pembantu Penguatkuasa KP19 yang bertugas di Seksyen Integriti dan Standard DBKL.

Wang rasuah yang diberi antara RM200 hingga RM500 itu sebagai balasan dan dorongan untuk tidak mengambil tindakan sita di bawah kesalahan seksyen 101 (1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 terhadap premis iaitu atas kesalahan tidak mempunyai lesen perniagaan, menggaji pekerja warga asing dan tidak mempunyai permit sah bekerja bagi warga asing.

Semua kesalahan itu dilakukan di beberapa premis di Jalan Pudu dan Jalan Imbi di sini antara 18 Oktober 2022 hingga 18 Julai 2023.

Justeru, pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga

enam bulan atau denda atau kedua-duanya sekiranya disabitkan kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irna Julieza Maaras dan Pegawai Pendakwa SPRM Mohamad Ashraf Mustafa dan Afiqah Ab Razak memohon mahkamah mengenakan hukuman berat dengan mengambil kira keseriusan kes dan isu lesen Ali Baba.

Bagaimanapun semua tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon hukuman ringan dikenakan dengan alasan masing-masing mempunyai tanggungan keluarga.

Kelmarin, *Harian Metro* melaporkan SPRM menahan lima warga tempatan, dua warga asing dan seorang pemastautin tetap (PR) kerana disyaki menyogok penguat kuasa sebagai balasan bagi melindungi aktiviti perniagaan warga asing yang menggunakan lesen Ali Baba di ibu negara.